



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**KOMPETENSI DAN STRATEGI PENGAJARAN KONTEKSTUAL  
TERHADAP PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEBOLEHDAPATAN KERJA DALAM KALANGAN  
MAHASISWA**

*COMPETENCIES AND CONTEXTUAL TEACHING STRATEGIES FOR THE  
DEVELOPMENT OF JOB ABILITY SKILLS AMONG UNDERGRADUATES*

<sup>1</sup>Adlina Abdul Khalil<sup>1\*</sup>, Mohd. Kasri Saidon<sup>2</sup>, Mohamad Khairi Othman<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Umum, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`adzam Shah, Kedah, Malaysia.  
Email: adlina@unishams.edu.my

<sup>2</sup> Sekolah Pendidikan & Bahasa Moden, Kolej Sastera & Sains, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.  
Email: kasri@uum.edu.my

<sup>3</sup> Sekolah Pendidikan & Bahasa Moden, Kolej Sastera & Sains, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.  
Email: m\_khairi@uum.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 26.04.2021

Revised date: 03.05.2021

Accepted date: 16.06.2021

Published date: 25.06.2021

**To cite this document:**

Khalil, 'A. A., Saidon, M. K., & Othman, M. K. (2021). Kompetensi dan Strategi Pengajaran Kontekstual Terhadap Pembangunan Kemahiran Kebolehdapatan Kerja Dalam Kalangan Mahasiswa. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6 (40), 308-320.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.640025.

**Abstrak:**

Pengajaran dan pembelajaran pada masa kini perlu dibuat penambahbaikan mengikut arus perubahan zaman dan permintaan masyarakat. Permintaan majikan terhadap mahasiswa yang sedang melalui fasa revolusi 4.0 bukan sekadar kecemerlangan akademik tetapi turut melihat aspek-aspek kemahiran yang ada dan boleh diaplikasi ketika bekerja. Senario pengangguran dalam kalangan mahasiswa boleh diumpamakan sebagai cabaran besar buat mereka dan tidak terbatas kepada bidang pengajian tertentu. Pendidik atau pensyarah bertindak untuk membantu pelajar menyelesaikan masalah yang diberikan kepada mereka sebagai proses pembelajaran dan ini secara tidak langsung dapat membina kemahiran dalam diri pelajar. Walau bagaimanapun, kajian lepas mendapat pelaksanaan pembelajaran dalam membentuk kemahiran kebolehdapatan kerja dalam kalangan mahasiswa pada masa kini ternyata menyumbang pelbagai bentuk cabaran kepada pensyarah. Melalui kajian ini, pengkaji melihat bagaimana konsep pembelajaran berpusatkan pelajar dan strategi pengajaran kontekstual boleh dijadikan medium pengajaran berkesan dalam membina kemahiran kebolehdapatan kerja dalam kalangan mahasiswa. Kajian telah dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kualitatif, secara temu bual semi berstruktur bersama 12 orang mahasiswa peringkat pengajian Ijazah dari bidang pengajian berbeza seperti bidang perubatan, pengurusan

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



perniagaan dan kaunseling. Dapatkan kajian mendapati manfaat pembelajaran berpusatkan pelajar terhadap pembentukan personaliti pelajar seperti pembinaan keyakinan diri, sikap kepimpinan, berfikiran kritis dan kreatif. Walaupun mereka berjaya mengaplikasikan pembelajaran berpusatkan pelajar, namun terdapat sesetengah mahasiswa terpaksa berhadapan dengan beberapa bentuk cabaran. Dua bentuk cabaran yang dominan muncul semasa temu bual dijalankan adalah yang pertama, untuk bekerja dalam kumpulan yang terdiri daripada rakan-rakan yang mempunyai sikap pasif, tidak kreatif dan kebergantungan yang tinggi pada orang lain. Kedua, cabaran dalam mengaplikasi kerja berkumpulan dengan efektif dan berjaya menyiapkan tugas yang diberikan. Dapatkan kajian menunjukkan persediaan para pensyarah dengan menggunakan teknik tertentu seperti pengajaran kontekstual sangat penting untuk membentuk kemahiran kebolehdapatan kerja dalam kalangan generasi baru yang sentiasa bersaing dalam kerjaya.

#### Kata Kunci:

Kompetensi, Strategi Pengajaran Kontekstual, Kemahiran Kebolehdapatan Kerja, Mahasiswa

#### Abstract:

Nowadays, teaching and learning need to improve parallel with the change of time and demand from society. Employers' demand for students who are going through the phase of revolution 4.0 is not just academic excellence but also look at the aspects of skills that can be applied while working. The unemployment scenario among students can be seen as a big challenge for them and it is not limited to a particular field of study. Educators or lecturers act to help students solve problems given to them as a learning process and this can indirectly build skills in students. However, previous studies have found that the implementation of learning in shaping job availability skills among students nowadays appears to contribute various forms of challenges to lecturers. Through this study, researchers identify how this concept of student-centered learning and contextual teaching strategy can be used as an effective teaching medium in building job availability skills among students. The study was conducted using a qualitative design, in a semi-structured interview with 12 undergraduate students from different fields of study such as medicine, business management, and counseling. The findings of the study found that the benefits of student-centered learning on the formation of student personalities such as building self-confidence, leadership attitudes, critical thinking, and creativity. Although they successfully applied student-centered learning, there were some students who had to face some form of challenge. The two dominant forms of challenges that emerged during the interviews conducted were the first, to work in groups consisting of peers who had a passive, uncreative attitude and high dependence on others. Second, the challenge in applying group works effectively and successfully completing assigned tasks. The findings of the study show that the preparation of lecturers by using certain techniques of teaching like contextual teaching strategy is very important to form job availability skills among the new generation who are always competing in their careers.

#### Keywords:

Competency, Contextual Teaching Strategy, Job Availability Skills, Graduates

## Pengenalan

Transformasi dalam pendidikan tertiari menuntut perubahan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran untuk melahirkan mahasiswa yang berdaya saing dan berkemahiran. Sumbangan sektor pendidikan kepada pertumbuhan tenaga mahir dan pembangunan ekonomi negara memerlukan perancangan yang rapi agar segala yang dirancang mencapai sasaran. Dalam konteks memenuhi tuntutan kerjaya pada masa kini, kemahiran sampingan ataupun dikenali sebagai kompetensi perlu ada dalam diri setiap mahasiswa kerana ia boleh dijadikan nilai tambah dalam persaingan mendapatkan pekerjaan.

Aspek kompetensi merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran yang terbentuk dalam diri seorang mahasiswa semasa proses pembelajaran serta pengalaman menyiapkan tugas ketika menuntut di universiti. Kemampuan dan kejayaan seorang mahasiswa untuk melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab menjadi tarikan kepada majikan (Rosmani & NorAishah, 2018). Secara umumnya, kompetensi juga boleh dinyatakan sebagai pengetahuan dan kemahiran yang ada pada seseorang pelajar sebelum mereka tamat pengajian. Selain itu, ia juga boleh dimaksudkan sebagai pengetahuan yang boleh diaplikasi dalam pembelajaran, pekerjaan dan untuk diaplikasi dalam realiti hidup sehari-hari (Dave, Sara, Ronald & Bill, 2013). Kompetensi para mahasiswa dapat dibentuk melalui pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar. Ia merupakan salah satu aspek kemahiran akademik yang boleh digunakan apabila mereka memasuki alam kerjaya satu hari nanti.

Robert Barr dan John Tag (1995) dalam penulisan mereka melihat senario semasa menunjukkan bahawa untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di institusi pengajian tinggi, perubahan dari segi teknik pengajaran perlu dilakukan. Antaranya adalah perubahan konteks pembelajaran berdasarkan pensyarah kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Konsep pembelajaran seperti ini akan dapat mengubah menjadikan seorang mahasiswa membina kemahiran insaniah dan dapat memenuhi kemahiran yang diperlukan di dalam alam kerjaya.

Inisiatif yang sistematik perlu diambil oleh pengurusan institusi pengajian tinggi untuk mengkaji dan menambahbaik silibus yang sedia ada. Sebagai contoh, pelaksanaan pembelajaran berdasarkan masalah (*Problem Based Learning*) merupakan salah satu konsep pengajaran kontekstual yang mendedahkan pelajar untuk mempelajari secara aktif masalah yang dihadapi dalam masyarakat. Para pelajar diberi peluang untuk menyelesaikan masalah dalam bentuk kerjasama berkumpulan, membina model untuk pembelajaran dan mengaplikasi (*self directed-learning*) secara praktikal dan bersemuka. Melalui konsep kemahiran kebolehdapatan kerja, para pelajar diberi peluang untuk menyelesaikan masalah secara bekerjasama, membina idea sendiri untuk tujuan pembelajaran dan akan mempraktikkan apa yang dipelajari dalam realiti kehidupan sebenar.

Analisis dan kajian status kebolehkerjaan dalam kalangan graduan ILP Kuala Langat telah dilakukan. Antara aspek yang dikaji adalah untuk melihat status graduan sama ada ada telah bekerja, belum mendapat pekerjaan ataupun sedang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bagi tahun 2015 dan tahun 2016. Dapatan kajian menunjukkan faktor kestabilan ekonomi keluarga merupakan salah satu sebab mendorong graduan memulakan perniagaan sendiri berasaskan kemahiran yang dimiliki. Berasaskan kemahiran secara *hands on* yang diperolehi sewaktu belajar, graduan lebih yakin untuk memulakan perniagaan selain daripada alasan tidak mahu berhijrah dan berjauhan daripada keluarga (Maharam, Dayana, Rahani, Nur Athirah, Wong Kok Mun & Yong Voon Yau, 2019).

### Objektif Kajian

1. Untuk mengkaji hubungan antara pembelajaran berpusatkan pelajar terhadap kemahiran kebolehdapatan kerja dalam kalangan mahasiswa IPT.
2. Untuk melihat hubungan antara strategi pengajaran kontekstual terhadap kemahiran kebolehdapatan kerja dalam kalangan mahasiswa IPT.
3. Untuk mengkaji hubungan antara pembelajaran berpusatkan pelajar dan strategi pengajaran kontekstual terhadap kemahiran kebolehdapatan kerja dalam kalangan mahasiswa IPT.

### Persoalan Kajian

1. Adakah terdapat hubungan antara pembelajaran berpusatkan pelajar terhadap kemahiran kebolehdapatan kerja dalam kalangan mahasiswa IPT.
2. Adakah terdapat hubungan antara strategi pengajaran kontekstual terhadap kemahiran kebolehdapatan kerja dalam kalangan mahasiswa IPT.
3. Adakah terdapat hubungan antara pembelajaran berpusatkan pelajar dan strategi pengajaran kontekstual terhadap kemahiran kebolehdapatan kerja dalam kalangan mahasiswa IPT.

### Permasalahan Kajian

Masalah pengangguran dalam kalangan graduan merupakan cabaran besar kepada mahasiswa. Mereka merupakan kelompok generasi muda dan menjadi harapan rakyat Malaysia untuk meneruskan agenda pembangunan negara. Impian untuk menabur bakti kepada negara tercinta mungkin berkubur begitu sahaja disebabkan penglibatan minimum mahasiswa dalam sektor pekerjaan. Statistik tenaga buruh siswazah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2016) melaporkan bahawa terdapat sebanyak 112 000 siswazah menganggur pada tahun 2015 berbanding 108 000 siswazah pada tahun 2014. Menurut kajian Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) (2011), terdapat lima faktor yang menyebabkan graduan sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Faktor-faktor tersebut adalah berkaitan dengan kekurangan kemahiran dan pengalaman kerja, ketidaksepadanan antara keperluan industri dengan bidang pengajian graduan, kurang keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik terutamanya dalam Bahasa Inggeris, sikap negatif sesetengah graduan terhadap pekerjaan dan kurangnya kesedaran tentang kewujudan berbagai-bagai peluang pekerjaan. Dalam konteks kesukaran graduan mencari pekerjaan, bukan kredibiliti graduan sahaja dipersoalkan, malah kredibiliti universiti yang melahirkan para graduan juga turut sama menerima tempiasnya, terutama sekali dalam mempersiapkan mereka mendepani cabaran dalam mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan ijazah yang dimiliki (Norasmah, 2017). Bank Dunia dalam kajianya yang bertajuk *Malaysia and the Knowledge Economy: Building a World-Class Higher Education System* (2007) juga telah mengenal pasti tiga faktor utama yang menyumbang kepada pengangguran graduan. Faktor tersebut adalah permintaan dan penawaran graduan, proses pencarian kerja dan ketidaksepadanan kemahiran (Regel, Salmi, Watkins, Tan, Dawkins, Saroyan, Vestergaard, 2007).

Penggunaan pendekatan pembelajaran berdasarkan projek ini merupakan suatu kaedah yang digunakan dalam pembelajaran berpusatkan pelajar. Melalui proses pembelajaran ini, pelajar-pelajar dituntut untuk menyelesaikan masalah dalam menghasilkan rekabentuk projek tersebut di mana mereka perlu menganalisis, mensintesis, dan membuat penilaian. Para pelajar mendapat maklum balas daripada hasil kerja mereka melalui sesi kritikan yang diadakan sebagai panduan untuk melaksanakan tugasannya tersebut. Melalui sesi kritikan pembentangan,

seharusnya pelajar-pelajar ini dapat meningkatkan penguasaan terhadap kemahiran kebolehdapatan kerja daripada aspek kepimpinan, komunikasi dan penyelesaian masalah.

### Kajian Literatur

Kajian Literatur adalah kajian lepas yang pernah dibuat berkaitan tajuk penulisan ini. Tengku Sarina, Nur Atikah dan Yusmini (2020) dalam kajian mereka berkaitan pembelajaran abad ke 21 melihat aspek pembelajaran berpusatkan pelajar dan pembelajaran aktif memudahkan tugas para guru dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik. Bagi guru Novis Pendidikan Islam cabaran untuk mengaplikasi M-pembelajaran dengan efektif adalah untuk memenuhi keperluan semasa iaitu pelajar dilengkapi dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi disamping pembelajaran Abad ke-21. Berbeza dengan kajian mengenai pembelajaran Bahasa Arab. Menurut Lily, Maimun, Ashinida dan Mus`ab, (2018) strategi pengajaran Kolokasi atau pembelajaran berdasarkan penguasaan perbendaharaan kosa kata adalah penting berbanding pendekatan pengajaran oleh tenaga pengajar.

Dalam usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, terdapat pembaharuan yang perlu dibuat dalam sektor politik, ekonomi maupun pendidikan. Untuk melahirkan masyarakat yang peka dengan pembangunan, maka corak pembelajaran yang lebih fleksibel perlu diperkenal kepada golongan pelajar. E-pembelajaran antara medium pembelajaran yang aktif digunakan dalam proses pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Hazwani, Noor Raudhiah dan Norziah, (2017) melihat aplikasi e-pembelajaran diterima dalam kalangan mahasiswa dan ia boleh dijadikan sebagai medium pembelajaran sepanjang hayat. Namun terdapat cabaran tersendiri apabila gaya pembelajaran ini diaplikasi sepenuhnya dalam pembelajaran kerana terdapat sesetengah institusi tidak dapat menampung kemampuan akses yang maksimum pada satu-satu masa. Selain kemudahan internet yang terhad bagi mahasiswa yang tinggal di asrama, ia menjadi kekangan kepada mereka untuk memberi fokus kepada proses pembelajaran. Namun terdapat aspek gaya pembelajaran lain yang turut mendapat perhatian para pelajar di institusi pengajian tinggi.

Seterusnya, pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar (PBP) boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Sepertimana Alizah & Zamri (2016) dalam kajian mereka mendapati konsep pembelajaran seumpama ini dapat membentuk kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar khususnya kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi dan sosial, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran teknologi maklumat. Kemahiran insaniah membolehkan seseorang pelajar menyesuaikan diri bukan sahaja dengan perubahan dan perkembangan dalam sektor pekerjaan kelak, tetapi juga dalam menghadapi kehidupan seharian.

### Kemahiran Akademik

#### *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar*

Terdapat pelbagai pendekatan pengajaran di institusi pengajian tinggi yang boleh digunakan oleh pensyarah bagi memastikan proses pembelajaran menjadi lebih bermakna dan berkesan. Salah satu kaedah atau pendekatan yang menarik minat dalam kalangan ahli akademik di IPT ialah kaedah pembelajaran aktif. Antara proses pembelajaran yang boleh diaplikasi oleh para pelajar adalah pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP). Pendekatan pembelajaran ini menuntut penglibatan aktif pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Medium pembelajaran ini telah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh pendidikan terdahulu seperti Carl Rogers, Jean Piaget,

John Dewey dan Lev Vygotsky (Kamarudin & Siti Hajar, 2003). Konsep pembelajaran sebegini akan membina personaliti pelajar yang lebih bertanggungjawab, fokus dan serius dalam memahami topik-topik pengajaran di bilik kuliah.

Pada peringkat pengajian tinggi, pendekatan PBP telah mula diberi perhatian dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Areas (NKRA)*. Kebanyakan IPT awam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memperkenalkan strategi PBP selaras dengan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) serta komited melaksanakan kurikulum berdasarkan hasil atau *Outcome Based Education (OBE)* yang memberi lebih fokus kepada pelajar. Tujuan diperkenalkan konsep pembelajaran seperti ini adalah untuk menjadikan pelajar lebih aktif, berdikari, kreatif dan berdaya saing apabila memasuki alam kerjaya nanti (Kamarudin & Siti Hajar, 2003).

Terdapat beberapa teori yang menyentuh aspek pembelajaran berpusatkan pelajar antaranya ialah teori pembelajaran konstruktivisme. Teori ini merupakan satu pandangan tentang bagaimana manusia memperoleh ilmu (Alizah & Zamri, 2019). Konstruktivis merupakan satu perspektif psikologi yang beranggapan bahawa individu mengkonstruk sebahagian perkara yang dipelajari. Pendekatan konstruktivis adalah untuk melatih pelajar berusaha untuk mencari pengalaman pembelajaran mereka sendiri, melibatkan diri secara aktif, persekitaran pembelajaran yang bersifat demokratik, aktiviti yang dijalankan bersifat interaktif dan berpusatkan pelajar (Alizah & Zamri, 2019). Dalam proses pembelajaran ini, pelajar memainkan peranan utama, mengalami proses pembelajaran sendiri untuk membina kefahaman sendiri tentang ilmu atau idea baharu berdasarkan pengalaman sedia ada. Pada dasarnya, pelajar tidak lagi memperolehi pengetahuan terus dari pensyarah tetapi mereka perlu membina realiti mereka sendiri dengan mengemukakan pandangan, berpeluang berkongsi persepsi antara satu sama lain dan melaksanakan aktiviti berdasarkan ‘*hands on*’ dan ‘*minds on*’.

Fasnot (1996) mengemukakan aspek-aspek konstruktivisme akan melibatkan proses penyerapan dan proses penyesuaian. Penyerapan atau *assimilation* merupakan proses kognitif yang mengklasifikasikan kejadian atau ransangan baharu dalam skema yang telah ada. Penyesuaian atau *accommodation* pula berlaku apabila menghadapi ransangan atau pengalaman baharu. Seseorang tidak dapat menyerap pengalaman yang baharu dengan pengalaman yang sedia ada. Dalam keadaan demikian, pelajar akan melakukan penyesuaian (Alizah & Zamri, 2019).

### **Strategi Pengajaran Kontekstual**

Dalam strategi pengajaran kontekstual pelajar dilatih untuk terlibat secara aktif dan secara langsung terhadap tugas yang diberikan. Pelajar akan merancang jenis tugas yang akan dijalankan selari dengan arahan tugas yang telah diberikan oleh pensyarah. Seterusnya, pelajar bersama ahli kumpulan akan menyusun strategi, perjalanan tugas dan cabaran yang bakal dihadapi. Di akhir kajian, para pelajar akan melihat hasil tugas dari sudut positif dan negatif terhadap aspek yang telah dikaji. Melalui pengajaran kontekstual para pelajar akan dipantau oleh pensyarah sebagai penyelia tugas para pelajar. Segala komen dan teguran terhadap penambahbaikan perlu diambil perhatian oleh setiap ahli kumpulan yang terlibat dalam menyelesaikan tugas (Mohd. Sattar, Rose Amnah & Mohd. Yusuf, 2014).

Menurut Zurida et.al (2004). Ciri-ciri pendekatan kontekstual yang berlandaskan prinsip-prinsip konstruktivisme membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi

(kemahiran kebolehdapatan kerja) kerana pelajar memanfaatkan pengetahuan serta pengalaman awal pelajar melalui perbincangan dan aktiviti berdasarkan konteks. Dalam proses pembelajaran kontekstual pelajar didedahkan kepada satu atau lebih bentuk pembelajaran REACT seperti mengaitkan (*relate*), memindahkan (*transfer*), bekerjasama (*cooperation*), menggunakan (*action*) dan mengalami (*engage*). Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Turner (1998) di Universiti Arizona, beliau melihat nilai-nilai positif yang bakal diperolehi oleh pelajar adalah dapat meningkatkan kemahiran berfikir, kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran kritis (Mohd. Sattar, Rose Amnah & Mohd. Yusuf, 2014).

## Kemahiran Kebolehdapatan Kerja

### **Komunikasi**

Perkataan komunikasi berasal dari perkataan latin, iaitu *communicare* yang bererti “menjadikan sama” atau “berkongsi”. Pearson (2007) mendefinisikan komunikasi sebagai satu proses menggunakan mesej untuk hasilkan makna. Dalam komunikasi kita didedahkan dengan tiga konsep iaitu proses, mesej dan makna. Proses merujuk kepada sesuatu tindakan yang berterusan tanpa henti. Mesej pula merujuk kepada idea fikiran atau perasaan sama ada lisan atau bukan lisan yang disampaikan oleh seseorang kepada seseorang yang lain dalam proses komunikasi. Mesej lisan berbentuk ucapan atau perkataan manakala mesej bukan lisan pula adalah apa-apa maklumat yang disampaikan tanpa menggunakan perkataan. Manakala makna merujuk kepada erti sesuatu perkara seperti yang dikehendaki oleh seseorang. Matlamat terakhir komunikasi ialah untuk mewujudkan makna yang sama di antara orang yang berkomunikasi (Mohd. Zin & Mohd. Taib, 2012)

Kepentingan komunikasi tidak dapat dinafikan apabila ia berfungsi untuk menyampaikan maklumat yang dinginkan oleh seseorang. Tujuan komunikasi boleh dilihat dengan jelas apabila manusia tidak boleh hidup bersendirian. Manusia juga hidup dalam sistem sosial yang memerlukan kita menjalankan hubungan dengan orang lain. Prinsip komunikasi boleh dilihat untuk tujuan mempengaruhi orang lain menasihati dan menghiburkannya. Berdasarkan kepada aspek-aspek di atas komunikasi boleh dibahagikan kepada beberapa konteks iaitu komunikasi intrapersonal, komunikasi interpersonal, komunikasi awam, komunikasi kumpulan kecil dan komunikasi massa (Mohd. Zin & Mohd. Taib, 2012).

Sheldtesky (2000) telah mengemukakan bahawa komunikasi intrapersonal merupakan satu proses memberi makna dalam diri individu. Manakala Cunningham (dalam Sheldtesky, 2000) menyatakan komunikasi intrapersonal adalah satu proses penukar mesej dan maklumat yang unik dan wujud dalam diri individu itu sendiri. Komunikasi intrapersonal adalah asas kepada proses komunikasi seterusnya. Walau bagaimanapun, komunikasi interpersonal merujuk kepada konteks komunikasi yang melibatkan dua individu. ‘*inter*’ merujuk kepada antara dan ‘*person*’ adalah individu (Mohd. Baharudin & Mohd. Khairie, 2007)

Dalam penulisan ini akan dilihat aspek komunikasi intrapersonal dan interpersonal sebagai medium penting dalam alam kerjaya mahasiswa. Berkisar kepada kebolehdapatan kerja mahasiswa dua komponen komunikasi iaitu intrapersonal dan interpersonal amat penting supaya penyampaian maklumat lebih berkesan di organisasi. Namun perlu diingat setiap komunikasi interpersonal perlu wujud norma dan mengetahui peranan komunikasi tersebut. Dalam pengurusan organisasi, komunikasi ialah salah satu penyumbang penting yang menjana proses gerakan kerja ke arah pencapaian matlamat penubuhannya. Dalam proses penyelarasaran tugas kerja dua aktiviti komunikasi ini perlu berlaku sebagai proses pertukaran dan perkongsian

maklumat serta jalinan hubungan pada pelbagai peringkat kerja. Mengikut Euske dan Roberts (1987) komunikasi bertindak sebagai ikatan sosial dalam organisasi (Hassan, Syarizan, Suhaini, Nuredayu & Nor Hayati, 2018).

### **Kemahiran Berfikir**

Pengetahuan yang diperolehi seseorang banyak bergantung kepada lima indera iaitu mata, telinga, hidung, lidah dan kulit. Kemahiran berfikir di sini merujuk kepada teknik yang boleh membantu seseorang membentuk dan mengembangkan kemahiran berfikir. Selain itu, aktiviti berfikir akan membantu menyelesaikan masalah, menjawab soalan, membuat keputusan ataupun untuk memahami sesuatu (Hisham, 2017).

Menurut Lorin Anderson (2000) pemikiran manusia terbahagi kepada beberapa peringkat. Ia amat penting untuk kecemerlangan akademik seorang pelajar universiti. Tahap pemikiran boleh dibahagikan kepada enam peringkat iaitu mengingati (*remembering*), memahami (*understanding*), mengaplikasi (*applying*), menganalisa (*analyzing*), menilai (*evaluating*) dan mencipta (*creating*). Merujuk kepada McWhorter, 2008, tahap pemikiran mengingati dan memahami boleh diklasifikasikan sebagai kemahiran untuk mendapatkan maklumat manakala empat peringkat pemikiran yang seterusnya pula merujuk kepada kemahiran berfikir secara kritikal (*critical thinking skills*) (Hisham, 2017).

### **Pemikiran Kritikal**

Individu yang mempunyai kemahiran berfikir kritikal mampu untuk menghuraikan dan menilai maklumat. Individu yang mempunyai pemikiran kritikal akan mempunyai sikap risau (*curiosity*), kreativiti di dalam kelas, tempat bekerja dan apa-apa situasi yang lain. Kriteria orang yang mempunyai pemikiran kritikal adalah mereka suka bertanya soalan, mempunyai pemikiran terbuka, menerima pandangan orang lain dan menghadapi masalah dengan tenang (Hisham, 2017).

### **Penyelesaian Masalah**

Menurut Hisham (2017), penyelesaian masalah merujuk kepada satu proses di mana individu yang mampu menyelesaikan masalah mencari jalan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah tersebut mengikut situasi dan keadaan pada masa tersebut. Dalam menyelesaikan masalah, seseorang itu perlu tahu masalah, mengumpul maklumat, membentuk idea-idea pilihan dan bertindak. Penyelesaian masalah merupakan proses kognitif dan akan berakhir dengan membuat keputusan untuk memilih beberapa alternatif-alternatif yang wujud. Setiap keputusan yang dibuat memerlukan pelbagai pilihan yang akan diterjemahkan melalui tindakan.

Antara langkah penyelesaian masalah adalah:

- i) Mengenalpasti masalah
- ii) Memberikan defnisi terhadap masalah
- iii) Mencari jalan penyelesaian
- iv) Bertindak
- v) Membuat penilaian terhadap keberkesanan sesuatu tindakan yang telah diambil

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Bagi pendekatan kualitatif, kaedah kajian lapangan telah dipilih dan data yang diperolehi dianalisis secara naratif. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dengan keterlibatan responden seramai 12 orang sahaja. Dalam kajian kualitatif, jumlah responden tidak begitu ramai memadai dengan 10 orang. Pemilihan peserta kajian telah dibuat berdasarkan kaedah persampelan bertujuan, iaitu pengkaji memilih individu yang dapat membantu pengkaji memahami fenomena yang sedang dikaji (Marilyn 2014). Seterusnya, kajian kualitatif adalah kajian yang bersifat penerangan dan tidak memerlukan pembolehubah dan teori. Teori dan hipotesis tidak dibina dalam kajian seumpama ini manakala pengkaji adalah instrumen utama (Creswell, 2009).

Peserta kajian yang dipilih merupakan mereka yang telah memenuhi kriteria kajian iaitu pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai bidang pengajian. Bagi mencapai matlamat kajian iaitu untuk melihat kemahiran yang diperolehi semasa belajar di universiti, maka para pelajar yang dipilih adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai pengalaman menyelesaikan tugas berbentuk projek atau program dalam kerja kursus.

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui temu bual. Memandangkan situasi pandemik Covid-19 masih melanda negara, temu bual telah dibuat secara atas talian melalui *video call*. Teknik analisis dokumen turut diguna pakai dalam kajian ini. Temu bual separa berstruktur dilakukan bersama informan yang berakhir dalam jangka masa satu jam setengah. Melalui konsep temu bual separa berstruktur, soalan dari soal selidik boleh dibuat pengguguran dan penambahan mengikut kesesuaian dan latar belakang responden. Dalam kajian seumpama ini, analisis data dilakukan sebaik selesai temu bual atau maklumat diperolehi dari responden. Rakaman suara dan transkripsi yang disediakan telah dilihat dan dibaca berulang kali bagi memastikan pengkaji dapat memahami data yang ada.

## Dapatan Kajian

### Kemahiran Akademik

#### ***Pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar***

Proses pembelajaran yang sistematik dan terurus adalah penting untuk memastikan kejayaan pelajar dalam pengajian di universiti. Tambahan pula dalam keadaan masyarakat dunia berhadapan dengan serangan pandemik covid 19, pembelajaran atas talian menjadi medium penting demi kelangsungan ilmu. Sementelah lagi, para pelajar juga perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran teknologi, keupayaan untuk mengakses dan kejujuran dalam menyiapkan tugas sama ada secara individu atau berkumpulan.

Dalam konteks pembelajaran berpusatkan pelajar, ia boleh menjadi menarik dan mungkin tidak menarik jika pelajar tidak dapat memahami konsep sebenar pembelajaran berpusatkan pelajar. Terdapat variasi pemahaman pelajar berkaitan pembelajaran berpusatkan pelajar .

“Saya melihat pembelajaran berpusatkan pelajar ini sebagai kuasa ‘autonomous’ dan mereka bertanggungjawab sepenuhnya menentukan hala tuju proses pembelajaran.

“Proses pembelajaran seumpama ini memerlukan para pelajar sebagai individu yang utama dalam merancang dan menentukan setiap apa yang hendak dipelajari”. Bagi dua orang responden yang lain mereka menyatakan “Ia merupakan penglibatan secara aktif pelajar dalam sesuatu tugas atau aktiviti”.

“ Pembelajaran berpusatkan pelajar adalah pendekatan pengajaran di mana kurikulum, aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penilaian berfokuskan kepada pelajar.

Namun terdapat juga pelajar yang tidak jelas apakah sebenarnya pembelajaran berpusatkan pelajar. “Ini adalah pemahaman pelajar terhadap konsep-konsep baru yang mereka perlu pelajari. Saya rasa pembelajaran berpusatkan pelajar adalah sesuatu aktiviti pembelajaran”. Dan terdapat juga yang menyatakan “ Ia merupakan pembelajaran berbentuk eksperimental”.

“Penglibatan pelajar secara langsung dalam merancang bagaimana aktiviti pembelajaran dan pengajaran dapat dijalankan”.

Seterusnya, terdapat responden yang berpandangan, “Pembelajaran yang dipantau oleh tenaga pengajar dan akan dilihat tahap pembelajaran mereka”.

### ***Kesediaan Pelajar Terhadap Strategi Pengajaran Kontekstual***

Dalam konteks pengajaran kontekstual, pelajar akan menyiapkan tugas berdasarkan tajuk yang diberikan oleh pensyarah. Tempoh tertentu diberikan dan apabila lengkap tugas, maka para pelajar akan menghantar kepada pensyarah. Dalam menyiapkan tugas, interaksi dua hala perlu berlaku agar mesej yang ingin disampaikan tercapai. Penerangan dan tunjuk ajar di peringkat awal sangat penting supaya mudah bagi seorang pelajar merancang dan melaksanakan tugas yang perlu disiapkan. Kesemua responden yang terlibat dalam temubual ini menyatakan pensyarah berinteraksi dan banyak membantu mereka sehingga galah selesai tugas.

Selain itu, pensyarah juga prihatin terhadap apa yang diperlukan oleh pelajar. Ramai yang berpandangan bahawa ia adalah salah satu inovasi dalam teknik pengajaran. “Pelajar pada masa kini lebih menyukai pembelajaran luar dari konteks pengajaran tradisional”. Ada juga responden lain memberikan jawapan berikut: “Generasi sekarang tidak gemar kepada kerja kursus yang berkonsepkan teori semata tetapi minat kepada kajian yang melibatkan interaksi dengan orang awam. Ada juga yang menyatakan bahawa keseronokan akan diperolehi melalui kajian lapangan dan merasa sangat berpuas hati apabila dapat menyelesaikan sesuatu masalah. “ Bagi saya, kepuasan dalam mempelajari sesuatu mata pelajaran adalah apabila dapat menyelesaikan tugas di samping dapat mengatasi permasalahan yang timbul dengan tenang”. “ Penemuan baru akan mematangkan saya, saya akan dapat ilmu baru, kemahiran baru yang belum pernah dipelajari sebelum ini. Inilah sebenarnya matlamat belajar di universiti”. Berikut merupakan pernyataan dari pelajar tahun satu bidang pengajian Kaunseling.

Dalam kalangan responden, ada yang mengakui bahawa mereka adalah kelompok yang kritis dan kreatif. “ Saya suka berfikir luar dari konteks pengajaran pensyarah semata. Manakala responden yang lain berpendapat, “pemikiran kritis perlu ada dalam diri seorang pelajar. Ini kerana, ia akan membezakan kita dengan orang lain. Bagi pelajar tahun dua ini pula, ia adalah kemahiran sampingan yang akan dapat menarik majikan untuk mengambil kita bekerja suatu hari nanti”.

Namun, tidak semua mahasiswa dianugerahkan nilai-nilai positif dalam diri. Ada pelajar yang pasif dan pemalu. Antara jawapan yang diberikan responden mengenai kelemahan sikap yang ada dalam diri mereka adalah. “Saya seorang yang pemalu dan sukar berinteraksi dengan orang lain”. Bagi responden yang mengambil jurusan perubatan ini pula beliau menyatakan, “ Saya

akan cuba memberi pandangan apabila ada perbincangan dengan ahli kumpulan atau secara personal dengan pensyarah. Walau bagaimanapun jika pandangan saya ditolak, saya akan hanya berdiam diri dan menganalisis semula tentang konflik yang berlaku". Terdapat juga responden lain memberikan jawapan yang hampir sama dengan responden ini. " Saya tidak suka konflik, jadi saya tidak akan bertelagah dan akan mengalah apabila pandangan saya ditolak".

### **Kemahiran Kebolehdapatan Kerja**

Teknik pembelajaran yang diaplikasi oleh seseorang pelajar akan dipilih jika ia memberi impak positif terhadap diri mereka. Walaupun terdapat sesetengah pelajar tidak begitu memahami dengan jelas maksud sebenar mengenai pembelajaran berpusatkan pelajar, namun mereka gemar terhadap teknik pembelajaran sebegini. Ini kerana, pembelajaran seumpama ini tidak menuntut mereka memberi fokus sepenuhnya terhadap modul ataupun buku teks. Apa yang penting adalah pengalaman baru yang diperolehi ketika cuba menyelesaikan sesuatu tugas. "Saya merasa gembira apabila ada pensyarah yang mengaplikasi teknik pembelajaran berpusatkan pelajar. Tidak ada rasa tekanan dalam menyiapkan kerja kursus". Manakala responden yang lain menyatakan, "Kreativiti saya terserlah dalam gerak kerja berkumpulan. Bagi saya tidak ada masalah untuk berinteraksi dengan kawan-kawan". Jawapan yang hampir sama diberikan oleh responden seterusnya. " Melalui pembelajaran berpusatkan pelajar saya dapat meningkatkan kreativiti saya. Selain itu, saya dapat berkongsi kemahiran yang ada dengan rakan-rakan yang lain". Seterusnya, ada yang menyatakan "saya dapat melatih diri untuk cuba menyelesaikan masalah yang timbul dalam menyiapkan tugas. Pelbagai teknik dan cara perlu dicari supaya ia dapat diselesaikan".

Di samping itu, pembelajaran seumpama ini dapat membina saksiah diri pelajar secara langsung ataupun tidak langsung Berikut adalah maklumat yang diberikan oleh dua orang responden, "Memang menarik apabila pelajar diberikan ruang untuk menginterpretasi ilmu dan kemahiran yang ada. Amanah yang diberikan oleh rakan-rakan kepada saya sebagai ketua kumpulan menjadikan saya bekerja dengan lebih efektif dan cekap, ada rasa tanggungjawab sebagai pemimpin". Manakala responden yang terakhir melihat perubahan telah berlaku dalam dirinya. "Dulu saya kurang yakin untuk melaksanakan tugas yang diberikan oleh pensyarah, saya rasa rendah diri. Namun sekarang, saya dapat rasakan ada perubahan apabila pensyarah sering memberikan tugas yang memerlukan komitmen saya untuk merancang, membentuk strategi dan menyelesaikan masalah yang berlaku. Sekarang saya rasa lebih yakin pada diri sendiri".

Walaupun tampak nilai positif wujud apabila mengaplikasi teknik pembelajaran seumpama ini, namun terdapat juga para pelajar yang merasakan ia sebagai sesuatu yang membebankan mereka. Pandangan berbeza diberikan oleh dua orang responden ini." Kadang-kadang rakan dalam kumpulan tidak mahu memberi kerjasama. Mereka tidak berani mencuba perkara yang baru, akhirnya saya terpaksa bertungkus lumus menyiapkan tugas". Perkara yang sama turut dikongsi oleh pelajar yang lain. "Mereka merasakan seperti berada di alam persekolahan, kebergantungan kepada tenaga pengajar sangat tinggi, tidak ada daya usaha sendiri, kebergantungan pada orang lain dan banyak lagi sikap negatif ada dalam diri".

Seterusnya, "Saya merasakan ia sangat menyusahkan, saya seorang yang pemalu dan kadang-kadang sukar untuk berinteraksi dengan kawan-kawan". Sikap pelajar juga menjadi faktor kepada kejayaan atau kegagalan dalam melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar. "Tugas yang diberikan oleh pensyarah dalam bentuk berkumpulan membuatkan saya tidak

ada motivasi. Mungkin nasib saya mendapat ahli kumpulan yang tidak rajin. Sebab itu saya suka membuat tugas secara individu”.

### **Kesimpulan**

Perkembangan pendidikan tinggi negara telah melalui fasa baru iaitu dari konsep pengajaran tradisional kepada pengajaran yang lebih berfokuskan kepada pelajar. Keadaan ini berlaku kerana, kebanyakan majikan mahukan pekerja yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang tinggi tetapi mereka juga mampu berdikari. universiti sepatutnya menjadi platform kepada pelajar untuk menimba kemahiran baru yang akan dibawa ke alam pekerjaan nanti. Majikan pada masa kini mementingkan pekerja yang sudah tersedia dengan kemahiran seperti kreatif dalam menyelesaikan masalah, berfikiran kritis serta mempunyai penampilan diri yang baik. Berdasarkan maklumat yang telah diberikan oleh kesemua responden, didapati bahawa kemahiran akademik iaitu pembelajaran berpusatkan pelajar dan strategi pengajaran kontekstual dapat melahirkan mahasiswa yang mempunyai keyakinan diri, mampu berkomunikasi dengan baik dan mahir menyelesaikan masalah. Aspek-aspek personaliti seperti ini penting buat mereka kerana apabila bekerja nanti, pelbagai cabaran yang mendarang akan dihadapi dengan mudah. Dalam erti kata lain, kemahiran kebolehdapatan kerja menjadi aset bernilai bagi mahasiswa pada masa kini berbeza dengan persepsi mahasiswa pada masa dahulu yang lebih mengejar Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) sebagai tiket untuk memohon pekerjaan. Dalam era reformasi pendidikan, jika gagal mendapatkan pekerjaan, mereka perlu menggunakan kemahiran yang ada untuk kelangsungan hidup dan tidak sekadar bergantung kepada ibu bapa. Maka di sini perlulah diberi perhatian oleh pihak institusi pengajian tinggi untuk mengubah tren pembelajaran yang bukan sekadar berfokuskan kepada peperiksaan tetapi perlu melihat aspek-aspek yang dapat meningkatkan kemahiran diri mahasiswa.

### **Rujukan**

- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. (2019). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar*. Bangi: Penerbit UKM.
- \_\_\_\_\_.(2016). Pendekatan Berpusatkan Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Melayu bagi Membentuk Kemahiran Insaniah Pelajar di Universiti Awam. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* .7:25-34.
- Azman Azwan Azmawati & Azlena Zainal. (2008). *Pengaplikasian Teknik Berfikir*. Pulau Pinang: Penerbit USM
- John W.Creswell. (2009). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (3<sup>rd</sup> Ed.). California: SAGE Publications Inc.
- David A. Hunter, (2009). *A Practical Guide to Critical Thinking, Deciding What to Do and Believe*.New Jersey: John Wiley & Sons Inc.
- Gosselin,D. Cooper, S., Ronald J. Bonnstetter, Bill J. Bonnstetter. (2013).Exploring the Assessment of twenty-first Century Professional of Undergraduate Students in Environmental Studies through a Business-Academis Partnership. *Journal of Environmetal Studies and Sciences*. 3:359-368.
- Hazwani Mohd. Najib, Noor Raudhiah Abu Bakar & Norziah Othman. (2017). E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Selangor. Dominan dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Wilayah Sarawak.
- Hisham M. Taky Eldi Kandil. (2017). *Creative Thinking & Problem Solving*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam.
- Marilyn Lichtman. (2014). *Qualitative Research for the Social Sciences*. London: SAGE Publications Ltd.

- Mus Chairil Samani & Jeiri Amir. (2016). *Teori Komunikasi Insan*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd. Baharudin Othman & Mohd. Khairie Ahmad.( 2007). *Pengantar Komunikasi*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohd. Sattar Rasul, Rose Amnah Abdul Rauf & Mohd. Yusuf Husain. (2014). *Kemahiran Kebolehdapatan Kerja, Suatu Keperluan Pekerjaan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohamed Zin Nordin & Mohd. Taib Ariffin. (2012). *Kemahiran Komunikasi*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Hassan Abu Bakar, Syarizan Dalib, Suhaini Muda. Nuredayu Omar & Nor Hayati Mohd. Jalil. (2018). *Komunikasi Dalam Konteks Pembangunan Sosiobudaya*. Sintok: UUM Press.
- Lily Hanefarezan Asbulah\*, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin & Mus'ab Sahri. (2018). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI* 1(1): 131-140.
- Maharam Mamat, Dayana Daiman, Rahani Mohd Musa, Nur Athirah Irham, Wong Kok Mun & Yong Voon Yau. (2019).Kebolehpekerjaan Graduan Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat, Selangor. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 20: 46-63.
- Norasmah Othman. (2017). Daya Tahan Pelajar Universiti Awam dan Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(1): 77-86
- Regel, O., Salmi Jamil, Watkins, A., Tan Hong, Dawkins, J., Saroyan, A., Vestergaard, J. (2007). Malaysia and the Knowledge Economy: Building a World-Class Higher Education System. Human Development Sector Reports. *ERIC*.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Nur Atikah Miasandan Yusmini & Yusmini Md. Yusof.(2020). Cabaran Pembelajaran Abad ke-21 dalam Kalangan Guru Novis Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*. 5(37):206-220.